

Jaminan Fideliti

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

POLISI JAMINAN FIDELITI



BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui Usul dan Perisytiharan yang akan menjadi asas kontrak ini dan disifatkan bergabung dalam perjanjian ini telah memohon kepada Penanggung Insurans yang terkandung di bawah ini dan telah membayar atau bersetuju membayar Premium Pertama sebagai pertimbangan bagi insurans sedemikian.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa jika pada Tempoh Insurans Pihak Diinsuranskan mengalami apa-apa kehilangan wang atau barang kepunyaan mereka atau yang mereka bertanggungjawab ke atasnya hasil daripada mana-mana tindakan PENIPUAN ATAU KETIDAKJUJURAN (kemudian dari ini disebut "tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang") dilakukan oleh mana-mana Pekerja yang diperihalkan dalam Jadual ketika bekerja dalam mana-mana kapasiti seperti yang terdapat dalam Jadual pada masa Tempoh Insurans yang disebutkan Penanggung Insurans akan menanggung Pihak Diinsuranskan akan apa-apa kehilangan yang dialami secara langsung oleh Pihak Diinsuranskan selepas pemotongan semua wang komisen gaji atau aset harta Pekerja yang mungkin dalam atau terdapat di tangan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan yang jumlahnya tidak melebihi bagi semua tindakan Pihak

Diinsuranskan terhadap apa yang dilakukan oleh seorang pekerja atau lebih pada keseluruhan tempoh cukup hidup Polisi ini Jumlah Keseluruhan Yang Diinsuranskan yang ditunjukkan dalam Jadual.

DENGAN SYARAT

1. tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang yang diketahui tidak lebih daripada enam bulan selepas peletakan jawatan pemberhentian persaraan atau kematian Pekerja tidak lebih daripada enam bulan selepas penamatan Polisi ini yang mana terdahulu.
2. Sebaik sahaja menerima notis daripada Penanggung Insurans akan tindakan Pihak Diinsuranskan tentang tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang yang dilakukan oleh pekerja liabiliti Penanggung Insurans berhubung dengan Pekerja yang tinggal hendaklah dikurangkan mengikut jumlah kehilangan yang dialami tetapi Pihak Diinsuranskan telah berjanji untuk membayar apabila dituntut premium tambahan yang sesuai Penanggung Insurans bersetuju untuk mengembalikan bahawa Jumlah Keseluruhan yang diinsuranskan telah difahami dan dipersetujui bahawa jumlah pengembalian sedemikian hanya boleh dituntut dari segi tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang berturutan sehingga tarikh pengembalian.
3. Istilah "Pekerja" hendaklah bermakna mana-mana Pekerja Majikan sama ada eksekutif manual atau perkeranian tetapi difahami dan dipersetujui dengan jelas bahawa orang yang diberi imbuhan semata-mata melalui komisen secara khusus terkeluar daripada perlindungan yang diberikan oleh Polisi ini.

SYARAT

1. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ungkapan yang membawa makna tertentu dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini hendaklah membawa makna sedemikian di mana-mana pun makna tersebut muncul.
2. Pematuhan dan pelaksanaan wajar Terma Polisi ini setakat yang berkait dengan apa-apa yang dilakukan atau hendak dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan dalam usul hendaklah merupakan syarat duluan bagi mana-mana liabiliti Penanggung Insurans untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.
3. Penanggung Insurans tidak bertanggungjawab
 - (a) jika mana-mana sekatan atau salah pernyataan mana-mana fakta yang memberi kesan risiko Penanggung Insurans dibuat pada masa itu memberi kesan kepada Polisi ini atau seterusnya atau
 - (b) jika langkah beringat dan pemeriksaan untuk mendapatkan ketepatan akaun dan mengehadikan jumlah wang yang diterima melalui atau diamanahkan kepada mana-mana Pekerja pada satu-satu waktu tidak akan dipatuhi dan tidak akan diamalkan bagi pihak Pihak Diinsuranskan menurut usul tersebut atau
 - (c) berhubung dengan apa-apa kehilangan disebabkan tindakan yang terhadapnya diinsuranskan selepas tarikh diketahui akan kehilangan wang atau barang bagi mana-mana tindakan terdahulu yang terhadapnya diinsuranskan

yang dilakukan oleh Pekerja yang sama diketahui oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana wakil Pihak Diinsuranskan yang kepadanya diamanahkan tugas pengawasan terhadap Pekerja sedemikian.

4. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Penanggung Insurans akan apa-apa tindakan yang terhadapnya diinsuranskan atau mempunyai sebab yang munasabah untuk berasa curiga kerananya yang dilakukan oleh seorang Pekerja sebaik sahaja selepas perkara tersebut diketahui oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil Pihak Diinsuranskan seperti yang tersebut sebelumnya dengan menyatakan cara bagaimana tindakan telah dibuat jenis dan tahap kehilangan setakat yang telah dipastikan ketika itu dan alamat terakhir yang diketahui akan Pekerja tersebut.
5. Setiap tuntutan di bawah Polisi ini hendaklah dibuat pada Penanggung Insurans dalam masa dua bulan selepas tarikh notis sedemikian (tuntutan tidak akan diterima di bawah Polisi ini jika gagal berbuat demikian) disertai butiran dan bukti penuh yang memuaskan pihak Penanggung Insurans tentang kehilangan (disahkan dengan perisytiharan mengikut undang-undang jika Penanggung Insurans menghendakinya) dan apabila apa-apa kehilangan telah diselesaikan dan dipenuhi oleh pihak Penanggung Insurans setakat yang berkaitan dengan kemungkinan Pekerja hendaklah sepenuhnya dihentikan dan ditamatkan terhadap apa-apa tanggungjawab selanjutnya pihak Penanggung Insurans.
6. Pihak Diinsuranskan hendaklah membekalkan pada tarikh pembaharuan Polisi dengan penyata yang menunjukkan bilangan pekerja dalam setiap kategori penggajian bagi tujuan pengiraan premium bagi tahun berikutnya.
7. Sekiranya berlaku apa-apa tuntutan menurut dokumen ini Pihak Diinsuranskan dikehendaki mengenal pasti melalui nama Pekerja yang telah melakukan tindakan yang terhadapnya diinsuranskan akan kehilangan wang atau barang yang menyebabkan kehilangan yang menjadi perkara pokok tuntutan berkenaan.
8. Adalah menjadi syarat insurans bahawa sebelum Pekerja baru (selain staf berpangkat rendah yang diambil terus dari sekolah) diambil siasatan hendaklah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan tentang majikan lepas bagi tempoh tiga tahun lepas untuk mengesahkan bahawa setiap Pekerja berperibadi yang boleh dipercayai dan rujukan sedemikian akan diserahkan kepada Penanggung Insurans jika ada tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini.
9. Penanggung Insurans adalah berhak dengan perbelanjaannya sendiri dan untuk faedahnya sendiri atas nama Pihak Diinsuranskan atau sebaliknya untuk menyempurnakan semua tuntutan dan mengamalkan semua hak tindakan yang memuaskan bagi Pihak Diinsuranskan terhadap mana-mana Pekerja berkaitan dengan mana-mana tindakan yang terhadapnya diinsuranskan yang berkaitan yang mungkin bayarannya telah dibuat oleh Penanggung Insurans di bawah Polisi ini dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan kepada Penanggung Insurans semua maklumat dan bantuan sebagaimana yang sewajarnya yang mungkin diperlukan untuk mengekalkan apa-apa tuntutan atau hak sedemikian. Penanggung Insurans mengetepikan haknya terhadap apa-apa perolehan (tidak termasuk apa-apa langkah keselamatan balas yang diambil oleh Penanggung Insurans) yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau diri mereka sendiri setakat jumlah yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan yang melebihi jumlah yang menjadi tanggungjawab Penanggung Insurans di bawah Polisi ini.
10. Pihak Diinsuranskan jika dikehendaki oleh Penanggung Insurans hendaklah memberi maklumat dan menyediakan bukti kepada Pihak Berkuasa Jenayah tentang apa-apa tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan oleh mana-mana Pekerja yang mengakibatkan tuntutan mungkin dibuat di bawah Polisi ini dan Pihak Diinsuranskan jika dikehendaki oleh Penanggung Insurans hendaklah dengan serta-merta mendakwa Pekerja bagi tindakan sedemikian tertakluk pada pembayaran oleh Penanggung Insurans sekiranya berlaku penyabitkan akan semua perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan dalam dakwaan sedemikian.

11. Penanggung Insurans hanya bertanggungjawab untuk menyumbang secara pro rata dengan mana-mana jaminan lain sama ada oleh Polisi atau sebaliknya yang dipegang oleh Pihak Diinsuranskan sama ada jaminan sedemikian ini dipegang oleh Pihak Diinsuranskan atau diambil atau diperoleh selepas ini dan Pihak Diinsuranskan mestilah menasihatkan Penanggung Insurans tentang setiap jaminan sedemikian dan mana-mana had pelepasan atau penamatan padanya.
12. Penanggung Insurans boleh memberi notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan di bawah perlindungan berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui dengan memberi notis tujuh (7) hari tentang niat mereka untuk menamatkan Polisi ini dengan mengembalikan atas permintaan perkadaran premium selaras dengan Tempoh Insurans yang belum luput.
13. Semua perbezaan yang timbul daripada polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang mempunyai perbezaan dan jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbang Tara tunggal dengan keputusan dua orang Penimbang Tara, seorang Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam satu bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk melakukannya sama ada oleh mana-mana pihak atau jika Penimbang Tara tidak bersetuju dengan seorang Wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan. Wasit hendaklah berbincang dengan Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan melaksanakan Award hendaklah merupakan syarat duluan daripada mana-mana hak tindakan terhadap Penanggung Insurans. Jika Penanggung Insurans menafikan liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan bagi mana-mana tuntutan dalam perjanjian ini dan tuntutan sedemikian hendaklah tidak dalam dua belas bulan kalendar daripada tarikh penafian sedemikian dirujuk kepada penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di bawah ini tuntutan hendaklah untuk tujuan yang disifatkan telah dihentikan dan selepas ini tidak boleh didapatkan balik di bawah ini.
14. Ejen Penanggung Insurans dalam apa-apa kejadian pun tidak boleh dipertanggungjawabkan secara peribadi jika terdapat mana-mana penyiasatan undang-undang atau lain-lain yang mungkin dirasakan oleh mereka perlu untuk dimulakan bagi kepuasan Penanggung Insurans harta peribadi mereka juga tidak boleh dikaitkan jika terdapat apa-apa tuntutan oleh Pihak Diinsuranskan. Jika Pihak Diinsuranskan memulakan tindakan terhadap Ejen dengan ini diisytiharkan dan ditentukan bahawa Pihak Diinsuranskan dengan demikian dibatalkan daripada semua tuntutan terhadap Penanggung Insurans di bawah Polisi ini dan tambahan pula hendaklah bertanggungjawab atas semua perbelanjaan yang terakru akibat tindakan sedemikian.

N.B Untuk perlindungan anda sendiri sila baca Polisi ini dan syarat-syaratnya dan jika Polisi tidak diisi dengan betul atau mengikut kehendak anda kembalikan semula ke pejabat untuk pindaan.

PENGENDORSAN/FASAL/JAMINAN

(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali dinyatakan dalam Jadual)

PENAMBAHAN DAN PEMOTONGAN AUTOMATIK

Dengan tidak menyentuh apa-apa yang terkandung dalam perjanjian ini yang bertentangan adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa:-

- a) Sesiapa yang diambil bekerja oleh Pihak Diinsuranskan selepas tarikh bermulanya insurans daripada Polisi ini secara automatiknya diberi perlindungan dari tarikh Penggajiannya.
- b) Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi pernyataan bertulis kepada Syarikat dalam masa minggu pertama bulan berikutnya tentang mana-mana penambahan atau pemotongan Pekerja dalam atau daripada Polisi pada bulan yang tersebut dan membayar premium tambahan yang mungkin dikehendaki oleh atau menerima bayaran balik premium daripada Syarikat mengikut mana-mana yang berkenaan.

FI JURUAUDIT DAN AKAUNTAN

Apa-apa maklumat atau butiran yang terkandung dalam buku akaun Pihak Diinsuranskan atau buku perniagaan lain yang mungkin dikehendaki oleh Penanggung Insurans di bawah mana-mana syarat Polisi ini untuk tujuan penyiasatan atau pengesahan mana-mana tuntutan menurut dokumen ini yang dikeluarkan oleh akauntan profesional jika pada masa mereka secara tetap bertindak sedemikian bagi Pihak Diinsuranskan dan laporan mereka merupakan bukti prima facie maklumat dan butiran yang berkaitan dengan laporan sedemikian.

Penanggung Insurans akan membayar Pihak Diinsuranskan caj munasabah boleh bayar oleh Pihak Diinsuranskan kepada akauntan profesional mereka kerana mengeluarkan maklumat atau butiran sedemikian atau apa-apa bukti, maklumat dan keterangan lain sebagaimana yang diperlukan oleh Penanggung Insurans di bawah terma mana-mana syarat Polisi ini dan melaporkan maklumat dan butiran sedemikian selaras dengan buku akaun Pihak Diinsuranskan atau buku perniagaan atau dokumen lain dengan syarat jumlah amaun boleh bayar di bawah fasal ini dan amaun boleh bayar sebaliknya di bawah Polisi dalam apa keadaan pun tidak melebihi had liabiliti di bawah Polisi ini.

PENGEMBALIAN SEMULA JAMINAN SECARA AUTOMATIK

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebaik sahaja selepas menerima notis daripada Syarikat akan tindakan yang terhadapnya diinsuranskan yang dilakukan oleh Pekerja liabiliti Syarikat berkaitan dengan Pekerja yang masih tinggal akan dikurangkan mengikut amaun kehilangan yang dialami tetapi Pihak Diinsuranskan setelah berjanji untuk membayar apabila diminta premium tambahan yang sesuai Syarikat berjanji untuk mengembalikan semula amaun yang telah diinsuranskan. Telah difahami dan dipersetujui bahawa amaun pengembalian semula sedemikian hanya tersedia bagi tuntutan yang berkaitan dengan tindakan yang diinsuranskan terhadap kehilangan wang atau barang yang dilakukan selepas tarikh pengembalian semula.

PEMBERITAHUAN KEHILANGAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan mewujudkan prasangka terhadap apa-apa ralat kelewatan yang tidak disengajakan atau tertinggal dalam memberitahu Penanggung Insurans apa-apa keadaan atau kejadian yang menimbulkan atau besar kemungkinan akan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini.

PEKERJA GANTIAN

Ganti rugi yang diberikan menurut dokumen ini diperluas supaya terpakai bagi mana-mana anggota staf tetap Majikan ketika bertindak atas arah Majikan sebagai pengganti Pekerja yang tidak bekerja lagi dengan Majikan, pada mana-mana tempoh insurans dengan syarat bahawa:-

- a) langkah berhati-hati dan pemeriksaan akaun yang dirujuk dalam Polisi setakat yang terpakai bagi pekerja yang dinamakan hendaklah dipenuhi dan dikekalkan bagi pengganti untuk pekerja yang dinamakan.
- b) Liabiliti maksimum Penanggung Insurans berkaitan dengan pekerja yang dinamakan bersama-sama dengan atau berkaitan dengan sesiapa yang jika liabilitinya tidak melebihi agregat amaun yang dinyatakan dalam Jadual berkaitan dengan pekerja sedemikian.
- c) Apabila bermulanya mana-mana pembaharuan tempoh insurans Majikan akan menyerahkan kepada Penanggung Insurans penyata mana-mana pindaan tetap terhadap Jadual akan pekerja yang dinamakan yang dijamin di bawah Polisi.

PEMULIHAN KEHILANGAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika terjadi kehilangan amaun jaminan yang diinsuranskan oleh Polisi ini tidak mencukupi perolehan yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat akan digunakan untuk memampas kehilangan yang tidak diinsuranskan bagi Pihak Diinsuranskan dan mana-mana baki yang masih ada akan terakru kepada Syarikat.

PENGENDORSAN/FASAL/JAMINAN

(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali dinyatakan dalam Jadual)

PELEPASAN SUBROGASI

Dengan tidak menyentuh apa-apa yang terkandung di bawah ini yang bertentangan dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika terdapat tuntutan Syarikat tidak akan menggunakan hak subrogasinya terhadap mana-mana pihak yang diinsuranskan yang lain dan/atau kontraktor mereka.

Tertakluk sebaliknya pada terma kekecualian dan syarat Polisi ini.

KEHILANGAN DISEBABKAN OLEH PEKERJA YANG TIDAK BOLEH DIKENAL PASTI

Jika kehilangan dikatakan disebabkan oleh penipuan atau ketidakjujuran mana-mana satu atau lebih Pekerja dan Pihak Diinsuranskan tidak boleh menamai Pekerja tertentu yang menyebabkan kehilangan sedemikian Pihak Diinsuranskan walau bagaimanapun mendapat faedah daripada jaminan ini dengan syarat bukti yang dihantar (dalam kes kekurangan inventori yang tidak dapat dipertikaikan) secara munasabah menunjukkan bahawa kehilangan sebenarnya adalah disebabkan oleh Pekerja berkenaan dan mensyaratkan selanjutnya bahawa agregat liabiliti Syarikat bagi kehilangan sedemikian tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam Jadual jaminan ini dan seterusnya disyaratkan bahawa Pekerja sedemikian adalah dalam jawatan kategori Pekerja yang dinyatakan dalam Jadual.

PEMBAYARAN PADA AKAUN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika terjadi kehilangan di bawah insurans ini Syarikat akan membuat bayaran pada akaun berkaitan dengan kehilangan sedemikian kepada Pihak Diinsuranskan jika dikehendaki.

JAMINAN PREMIUM

Premium yang mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari daripada tarikh mula Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan adalah menjadi syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi dengan itu kontrak ini secara automatik terbatal dan Pihak Diinsuranskan berhak mendapat premium pro rata bagi tempoh mereka berada dalam risiko.

Apabila premium yang selaras dengan jaminan ini diterima oleh wakil sah Penanggung Insurans bagi tujuan jaminan ini dan beban membuktikan bahawa premium boleh bayar diterima oleh seseorang, termasuk wakil insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium sedemikian hendaklah terletak pada Penanggung Insurans.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengurusan Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat: 200401025885
Talian Am: +603 2272 2811
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Laman Web: www.fmos.org.my

POLISI JAMINAN FIDELITI



c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).